



## KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	BERITA HARIAN
TARIKH	:	28/10/2019
JABATAN	:	UMUM
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN
		MUKA SURAT : 14



Media merakamkan penghijrahan burung di pantai Lawas.



(Foto Kandau Sidi/BH) Spesies dugong yang ditemui di Kuala Lawas.

# Air mata dugong penawar kasih

Pemburuan, pembangunan sekitar Kuala Lawas jejas populasi spesies akuatik

## Laporan Khas

Oleh Kandau Sidi  
kandau@nstp.com.my

**Lawas:** Mengikut kepercayaan dulu, air mata dugong dikatakan mampu menyembuhkan pelbagai penyakit, selain menjadi penawar kasih.

Lantaran ikan yang dikategorikan hampir pupus di perairan utara Sarawak itu, sentiasa menjadi buruan nelayan dan penduduk yang menetap di muara sungai seperti di Kuala Lawas.

Malah, terdapat sesetengah penduduk tempatan yang pernah 'menjamah' daging haiwan itu berpendapat ia berupaya meningkatkan tenaga batin.

Apapun hakikatnya, sekarang dugong di Sarawak diancam kepupusan yang serius.

Populasi ikan itu yang direkodkan kurang daripada 30 ekor dan hanya terdapat di kawasan perairan Kuala Sungai Lawas.

Kuala Sungai Lawas yang kaya dengan rumpai laut yang menjadi makanan utama ikan itu turut menjadi tumpuan reptilia lain, seperti penyu dan burung hijrah.

Ketika air surut, lumpur dan rumpai laut dapat dilihat dengan mudah, sekali gus membuktikan muara sungai itu kaya dengan pelbagai spesies akuatik itu.

Namun, wujud kebimbangan penduduk dan penyelidik tempatan mengenai kemungkinan spesies akuatik terancam, termasuk dugong akan lenyap sekiranya usaha melindungi kawasan itu diabaikan pihak berkuasa.

Penduduk Lawas, Ismail Marikan, 45, berkata, dulu memang banyak dugong di Kuala Lawas.

"Sekarang, jika anda nampak dugong, boleh dikatakan anda amat bertuah," katanya.

Bagi nelayan yang sering berulang-alik di Kuala Lawas, mereka kerap terserempak dugong ketika keluar menangkap ikan.

"Namun, saya akui jumlahnya kini amat sedikit," katanya dan tidak menolak kemungkinan dugong Kuala Lawas akan pupus, sekiranya tiada usaha serius me-



Lebih 30 spesies burung berhijrah di Kuala Lawas dari hemisfera utara pada Ogos hingga Mac.

lindunginya.

Beliau juga bimbang jika projek pembangunan di Kuala Lawas seperti pembinaan Loji Penapisan Minyak dan Gas memberi kesan terhadap pembiakan dugong di kawasan itu.

Sementara itu, Ahli Biologi Marin Sarawak Forestry Corporation (SFC), James Bali, berkata kajian Universiti Malaysia Terengganu dan Universiti Malaysia Sarawak sejak beberapa tahun lalu mendapati, perairan pantai Lawas mempunyai ekosistem dan biodiversiti marin yang kaya dan unik.

"Lawas memiliki ekosistem paya bakau, rumpai laut, dataran berlumpur dan terumbu karang.

"Ekosistem marin ini menjadi habitat kritikal kepada hidupan marin, terutama sumber perikanan seperti ikan, ketam, udang, kerang dan siput," katanya.

Beliau berkata, kajian mendapati rumpai laut (atau lamun) menganjur dari Sungai Bangkulit (Sempadan Sabah-Sarawak) hingga ke Awat-Awat, satu-satunya habitat dan kawasan pemakanan dugong masih terdapat di Sarawak.

Hamparan rumput laut ini, katanya, satu daripada kawasan pemakanan penyu karah yang penting di Asia Tenggara.

"Kajian genetik mendapati penyu yang makan rumput laut di perairan pantai Lawas datang dari pantai peneluran di Filipina, Thailand, Vietnam, Sabah, Terengganu dan Taman Negara Talang-Satang.

"Perairan Lawas juga menjadi habitat penting kepada empat spesies lumba-lumba, kuda laut dan jerung paus," katanya.

Beliau berkata, dataran berlumpur di Kuala Trusan juga dikenali sebagai satu kawasan utama burung di Sarawak.

Lebih dari 30 spesies burung hijrah akan singgah atau tinggal dan mencari makan di kawasan itu semasa musim penghijrahan dari hemisfera utara pada Ogos hingga Mac.

Kajian terkini mendapati lebih satu peratus populasi burung jenis *Nordmann's Greenshank* yang terancam juga di dapati di situ.

Ini menjadikan kawasan berkenaan layak disenaraikan sebagai tapak Jaringan Laluan Burung Hijrah.